



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 06/2024



PENGHAYATAN IBADAH KORBAN 14 JUN 2024 / 07 ZULHIJJAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Beberapa hari lagi kita akan menyambut hari raya Aidiladha dan melaksanakan ibadah korban. Pensyariatan ibadah korban adalah daripada Allah Ta'ala mengenai keperluan berkorban tenaga, masa dan harta benda demi agama Allah Ta'ala. Tanpa pengorbanan diri, fikiran dan harta benda, tidak mungkin



syariat Allah Ta'ala dapat ditegakkan. Renungkanlah sejarah pengorbanan agung Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sanggup mematuhi perintah Allah Ta'ala untuk menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihissalam walaupun kemudiannya diganti dengan seekor kibasy. Demikian juga kerelaan Nabi Ismail Alaihissalam untuk disembelih oleh bapanya, semata-mata kerana menjunjung perintah Allah Azza wajalla.

Kisah itu juga memberi isyarat bahawa berkorban sebenarnya tidak mengira peringkat usia sama ada golongan tua, dewasa, belia, lelaki mahupun wanita. Kita perlu bersedia untuk berkorban apa sahaja demi tertegaknya akidah tauhid dan terlaksananya syariat Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Inilah intipati pengajaran daripada pengorbanan agung oleh Nabi Ibrahim, isteri dan anaknya alaihimus solatu wassalam sebagaimana dalam surah al-Saffat ayat 103 hingga 107:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ وَنَدَيْنَهُ أَنْ يَا بَرَاهِيمُ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ

نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ وَفَدَيْنَهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ

Yang bermaksud: *"Ketika keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipis(nya), (nyatalah kesabaran keduanya). Dan Kami panggillah dia: "Wahai Ibrahim, sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang*



yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar suatu ujian yang nyata. Dan Kami tebus anak itu dengan seekor sembelihan yang besar.”

Sidang Jumaat yang dikasihi

Kita disunatkan menyembelih binatang korban dalam tempoh empat hari, bermula pada hari raya pertama sepuluh Zulhijjah sehingga hari ketiga belas Zulhijjah. Ibadah korban adalah ibadah yang menuntut kepatuhan sepenuhnya kepada perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala. Umumnya definisi ibadah korban ialah binatang ternakan tertentu yang disembelih untuk mendekati diri kepada Allah Ta’ala sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Kauthar ayat 2 ;

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ

Yang bermaksud: *”Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu; dan sembelihlah korban”*

Fokus utama ibadah korban adalah untuk melihat sejauhmana keikhlasan dan ketakwaan kita sebagai seorang hamba. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud;

“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari al-Nahr (Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah melainkan ibadah korban. Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada reda Allah sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).”



Ibadah korban hukumnya *sunat muakkad* (sunat yang sangat dituntut) kerana ia sentiasa dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Islam menjadikan ibadah korban sebagai cara untuk menjamin kebajikan orang fakir dan miskin dengan memperuntukkan sebahagian daging korban untuk mereka. Ibadah korban juga memberi impak tinggi terhadap jaringan sosial masyarakat dengan mengeratkan hubungan silaturahim kaum kerabat dan sesama Islam. Inilah rahmat Allah Ta’ala kepada manusia tanpa mengira pangkat, darjat, usia dan bangsa.

Korban mendidik manusia agar memberi sesuatu yang terbaik dan bernilai kepada orang yang dikasihinya. Perkara ini dapat dibuktikan apabila disyaratkan terhadap haiwan yang bakal dikorbankan itu memiliki sifat yang baik dan sempurna tubuh badan tanpa sebarang kecacatan, sama ada bersifat sementara atau pun kekal. Sabda Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmizi yang bermaksud;

“Empat sifat yang menyebabkan haiwan tidak sah untuk dikorbankan, (haiwan) yang buta sebelah mata, yang jelas berpenyakit, yang jelas tempang kakinya dan yang terlalu kurus kering”.

Hadis ini menjelaskan Islam menyuruh kita agar menghadihkan sesuatu yang bernilai dan baik kepada mereka yang kita sayang. Namun, perkara ini tidak diambil peduli sebahagian pihak apabila ada yang sanggup menyimpan barangan bernilai untuk diri sendiri, manakala yang tidak bernilai dihadihkan kepada orang lain khususnya fakir miskin.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Setiap amal ibadah yang disyariatkan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hambanya adalah suatu perintah untuk menilai sejauhmana ketaatan dan kepatuhan kita sebagai seorang hamba. Nabi Ibrahim Alaihissalam memilih ketaatan dan kepatuhan kepada Allah Ta'ala berbanding cinta seorang ayah kepada seorang anak, maka peristiwa itu menjadi saksi kepada hebatnya pengorbanan dari ayah dan anak yang taat kepada perintah Allah Ta'ala.

Kesimpulannya, ibadah korban ialah menyembelih binatang korban dalam tempoh empat hari, bermula pada hari raya sehingga hari ketiga belas Zulhijjah. Ia melambangkan galakkan untuk kita berkorban bagi menegakkan agama kita yang disayangi. Ibadah korban dapat menguatkan ukhwah islamiah dan melahirkan kegembiraan masyarakat sekeliling dan fakir miskin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.